

## **Amalan Aspek Polisi dan Perundangan dalam Pengurusan Alam Sekitar Bandar di Bandaraya Ipoh, Perak**

<sup>1</sup>Mohd Hairy Ibrahim, <sup>2</sup>Mohammad Rizal Razman, <sup>3</sup>Jamaluddin Md. Jahi, <sup>1</sup>Nasir Nayan, <sup>1</sup>Mohmadisa Hashim, <sup>4</sup>Haliza Abd. Rahman dan <sup>1</sup>Mohamad Suhail Yusri Che Ngah

<sup>1</sup>Jabatan Geografi, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM

<sup>3</sup>Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM

<sup>4</sup>Pusat Pengajian Sains Kesihatan, USM

### **Abstrak**

Amalan Aspek Polisi dan Perundangan diteliti dari aspek dasar dan undang-undang berkaitan alam sekitar bandar yang telah digubal dan dilaksanakan sejak dahulu lagi termasuk di Bandaraya Ipoh, Perak. Dasar dan undang-undang ini penting dalam mengawal dan menguruskan persekitaran pekan, bandar dan bandaraya. Ini diperlukan kerana aktiviti pembandaran yang semakin membesar menimbulkan pelbagai permasalahan dalam persekitaran alam sekitar bandar. Antara permasalahan alam sekitar bandar iaitu masalah pembuangan sampah sarap, masalah setinggan, masalah pencemaran udara iaitu debu dan asap kesan dari kegiatan industri dan kenderaan serta lain-lain punca. Kertas kerja ini membincangkan aspek-aspek polisi atau dasar dan undang-undang yang telah digubal dan digunakan bagi memelihara Alam Sekitar Bandar di bawah tanggungjawab Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT). Amalan polisi atau dasar alam sekitar bandar di Bandaraya Ipoh berlandaskan matlamat menjadikan Ipoh sebagai bandar Raya Sejahtera yang kosmopolitan, hijau, dinamik dan cekap dengan falsafah dan strategi pembangunan seimbang sehingga tahun 2020 berlandaskan Dasar Alam Sekitar Negara dan Dasar Perbandaran Negara. Amalan polisi juga termasuk aspek perundangan MBI selaras Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menggunakan pakai Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Akta ini telah menggariskan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti MBI mempunyai bidang kuasa meliputi: (a) penyediaan kemudahan infrastruktur yang dapat menjamin keselesaan kehidupan masyarakat setempat; (b) pewujudan pusat-pusat perdagangan seperti pasar, gerai-gerai dan sebagainya; (c) pengawalan ke atas kesihatan awam, kacau ganggu, keselamatan dan sebagainya; (d) pelaksanaan tanggung jawab sosial yang meliputi pembangunan tempat-tempat awam, kolam renang dan sebagainya. Manakala, Akta Kualiti Alam Sekeling 1974 merupakan akta yang turut digunakan untuk mengawal kegiatan manusia yang boleh mencemari alam sekitar bandar. Akta lain yang terlibat iaitu Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538) dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) yang sering dikaitkan dengan aspek perancangan dan pembangunan serta sistem pengangkutan di kawasan bandar dan desa. Amalan aspek-aspek dasar dan undang-undang pengurusan alam sekitar bandar telah dibincangkan melibatkan bagaimana MBI mempunyai bidang kuasa undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar dalam menguruskan alam sekitar bandaraya Ipoh. Ini penting agar semua pihak mengetahui hal ini agar dapat membantu pihak berkuasa tempatan khususnya MBI menangani masalah alam sekitar bandar.

## **Pengenalan**

Amalan aspek polisi atau dasar dan perundangan diteliti dari aspek dasar dan undang-undang berkaitan alam sekitar bandar yang telah digubal dan dilaksanakan sejak dahulu lagi termasuk di Bandaraya Ipoh, Perak. Dasar dan undang-undang ini penting dalam mengawal dan menguruskan persekitaran pekan, bandar dan bandaraya. Ini diperlukan kerana aktiviti pembandaran yang semakin membesar menimbulkan pelbagai masalah dalam persekitaran bandar. Perkembangan bandar di Malaysia begitu pesat terutama sejak dua dekad yang lalu di mana kadar perbandaran telah meningkat daripada 54.3% kepada 65.4% dalam tempoh antara tahun 1991 ke tahun 2000. Keadaan ini dijangka akan meningkat kepada 75 % menjelang tahun 2020 (Dasar Perbandaran Negara, 2006). Peningkatan penduduk bertumpu di konurbasi-konurbasi utama seperti Ipoh, Kuala Lumpur, George Town, Johor Bahru dan Kuantan. Fenomena pertambahan penduduk yang semakin meningkat memerlukan pertambahan kawasan-kawasan baru bagi tujuan pembangunan kawasan perumahan, kemudahan awam, perniagaan dan gunatanah bandar yang lain (Dasar Perbandaran Negara, 2006). Ini mengakibatkan berlakunya ‘urban sprawl’ yang menyebabkan pembangunan telah menjangkau ke kawasan sensitif alam sekitar, kawasan pertanian utama dan kawasan-kawasan lain yang tidak sesuai untuk dibangunkan yang boleh menimbulkan kesan masalah alam sekitar. Kelemahan ketiadaan had pembangunan bandar yang jelas telah mewujudkan berlakunya ‘urban sprawl’ ini.

Pendekatan dasar dan undang-undang terhadap alam sekitar bandar merupakan asas yang penting untuk penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Ia perlu dipakai sebagai satu cara terbaik bagi menangani masalah pencemaran alam sekitar yang berlaku pada masa kini. Perundangan adalah satu alat undang-undang yang digunakan bagi pengawalan alam sekitar daripada dicemari, mengalami kemerosotan ataupun dicemari semula yang perlu diberi pendedahan di dalam memastikan alam sekitar bandar yang lestari. Oleh itu, amalan dasar dan undang-undang yang digunakan di Bandaraya Ipoh menjadi perbincangan dalam meneliti bagaimana kedua-duanya dapat membantu pengurusan alam sekitar bandar lestari. Amalan dasar mengenai pengurusan alam sekitar bandar dalam perbincangan ini merujuk kaedah perundangan iaitu perancangan dan dasar awam oleh pihak kerajaan khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT). Namun begitu, antara bentuk lain yang boleh dirujuk ialah melalui garis panduan-garis panduan, kod amalan, pemonitoran, perancangan, dasar awam, pendidikan serta penyelidikan dan pembangunan yang dikatakan sebagai langkah pengurusan alam sekitar secara bukan perundangan (Jamaluddin, 2001). Sebelum itu, adalah lebih baik kita memahami bagaimana perubahan persekitaran bandar dan masalah yang berkaitan berlaku sehingga memerlukan kita menjadikan dasar dan undang-undang itu penting dalam mengawal dan memastikan aktiviti pembangunan yang dijalankan oleh manusia tidak menjaskan alam sekitar bandar.

## **Perubahan Persekitaran Bandar dan Masalahnya**

Bandar pada asalnya merupakan kawasan yang mempunyai alam sekitar fizikal semulajadi yang unik dan merupakan khazanah yang tidak ternilai harganya dan dianugerahkan oleh Tuhan kepada manusia untuk dipelihara, dijaga serta diuruskan dengan baik dan sempurna. Manusia yang tinggal di bandar semakin hari semakin bertambah sehingga memerlukan kawasan yang lebih luas bagi memenuhi keperluan kehidupan manusia khususnya tempat tinggal. Ini menyebabkan manusia telah meneroka khazanah ini bagi memenuhi keperluan dan kehendak mereka sehingga menimbulkan masalah dan merosakkan alam sekitar semulajadi tersebut seperti pencemaran air, pencemaran udara, pencemaran buni yang bising, pencemaran sampah sarap dan sebagainya. Ini merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi oleh Malaysia bagi menangani isu pencemaran alam sekitar yang semakin meruncing (Muhammad Rizal, 2010).

Manusia yang tinggal di bandar menjadikan bandar sebagai sumber ekonomi. Untuk itu, bandar dijadikan sebagai enjin pertumbuhan ekonomi yang mempunyai peranan penting dalam pencapaian wawasan negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Sepanjang dua dekad yang lalu tahap perbandaran telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dan dijangka akan terus meningkat pada masa akan datang (Dasar Perbandaran Negara, 2006). Pembangunan dan aktiviti perindustrian terus pesat dilakukan oleh manusia pada masa kini menjadikan masalah pencemaran alam sekitar di

bandar terus berterusan dan menjadi semakin rumit. Punca pencemaran alam sekitar berpunca dari aktiviti-aktiviti manusia seperti aktiviti perindustrian, aktiviti petempatan, aktiviti pertanian, aktiviti pembandaran, aktiviti perlombongan dan sebagainya. Perubahan persekitaran bandar menimbulkan masalah pencemaran dan kemudiannya memberi pelbagai kesan negatif terhadap manusia dan hidupan lain dan persekitaran fizikal yang masih ada di bandar.

Masalah alam sekitar berlaku disebabkan ketidakpatuhan kepada garis panduan dan peraturan serta undang-undang yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan rancangan pemajuan yang telah disediakan telah menyumbangkan kepada kewujudan masalah ini. Sehubungan itu, pelbagai masalah timbul di kawasan perbandaran seperti pencemaran alam sekitar, kesesakan lalulintas, kewujudan kawasan-kawasan ‘brownfield’, kehilangan daya tarikan dalam kawasan bandar, kemerosotan kualiti infrastruktur, kekurangan kawasan hijau dan kemudahan awam yang lain hingga menyebabkan penurunan kualiti hidup bandar (Dasar Perbandaran Negara, 2006). Tambahan lagi, masalah kewujudan kilang-kilang haram di kawasan bandar dan taburan kegiatan industri yang tidak sekata dan tidak terurus menimbulkan pelbagai masalah alam sekitar. Keadaan ini lebih meruncing apabila berlakunya juga masalah percanggahan gunatanah masih berlaku di bandar-bandar yang mengalami pembangunan yang pesat memandangkan permintaan gunatanah di kawasan-kawasan strategik adalah tinggi seperti di Bandaraya Ipoh sehingga kawasan lombong ditebusguna bagi tujuan pembangunan kawasan perumahan, perniagaan dan industri.

Keadaan taburan industri tidak sekata dan kemudahan infrastruktur yang tidak terurus dan kadar kepadatan dan jumlah kenderaan yang meningkat menimbulkan masalah pencemaran udara. Keadaan ini akan meningkat pelepasan bahan cemar kesan penggunaan bahan api yang tidak mesra alam. Faktor ini menyebabkan kemerosotan status kualiti udara pada tahap tidak sihat dicatatkan di kawasan bandar disebabkan oleh kepekatan habuk halus di bawah saiz 10 mikron (PM10) yang tinggi iaitu pada bacaan  $52 \text{ ug/m}^3$  berbanding  $50\text{ug}/\text{m}^3$  yang dibenarkan di dalam Garis Panduan Kualiti Udara Persekitaran Malaysia. Selain itu, masalah pencemaran bunyi juga berlaku kesan aktiviti manusia yang bertambah dengan kepadatan yang tinggi. Masalah pencemaran bunyi ketara di kawasan bandar di mana didapati paras bunyi di kawasan perumahan (di dalam bandar) kebanyakannya melebihi paras yang disyorkan oleh ‘World Health Organisation’ iaitu melebihi 65dBA (Jabatan Alam Sekitar, 2003). Punca utama pencemaran bunyi ini adalah daripada kenderaan.

Bilangan penduduk yang meningkat dalam kawasan bandar telah menjana kuantiti buangan sisa pepejal yang sangat tinggi dan memberi tekanan kepada keperluan penyediaan tapak pelupusan di dalam kawasan bandar. Ini memberi tekanan kepada keperluan penyediaan tapak pelupusan di dalam kawasan bandar (Dasar Perbandaran Negara, 2006). Mengikut RMK-9, jumlah sisa pepejal yang dijana di Semenanjung Malaysia meningkat daripada 16,200 tan metrik sehari pada tahun 2001 kepada 19,100 tan metrik sehari pada tahun 2005 dan sekiranya tidak diuruskan dengan baik ia akan memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan kualiti hidup penduduk bandar. Keadaan ini perlu diatasi melalui perancangan, pemantauan dan pengurusan yang lebih baik terhadap kemudahan aktiviti ekonomi di kawasan bandar (Dasar Perbandaran Negara , 2006).

Sehubungan dengan itu, pengurusan alam sekitar yang baik dan cekap dapat menangani segala masalah pencemaran alam sekitar yang semakin meruncing di Malaysia. Menurut Jamaluddin (1993 & 2001), pengurusan alam sekitar boleh dibahagikan kepada dua iaitu pengurusan alam sekitar melalui kaedah bukan perundangan dan pengurusan alam sekitar melalui kaedah perundangan. Pengurusan alam sekitar melalui kaedah bukan perundangan termasuklah garis panduan-garis panduan, kod amalan, pemonitoran, perancangan, dasar awam, pendidikan serta penyelidikan dan pembangunan (Jamaluddin, 2001). Manakala pengurusan alam sekitar melalui kaedah perundangan pula boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pengurusan alam sekitar menerusi undang-undang awam dan pengurusan alam sekitar menerusi undang-undang persendirian (Ball & Bell 1991; Muhammad Rizal 2001). Jelasnya, terdapat pengurusan alam sekitar secara perundangan dan bukan perundangan iaitu dasar atau polisi termasuk pengurusan alam sekitar bandar dapat digunakan bagi menjadikan persekitaran bandar yang lestari.

Namun demikian, langkah terbaik dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar dengan memperketatkan pendekatan undang-undang dengan pemantauan pelaksanaan yang baik bagi menjamin kesejahteraan alam sekitar bandar. Oleh itu, pengetahuan undang-undang alam sekitar wajar lebih diketengahkan kepada pihak swasta, badan bukan kerajaan dan kalangan masyarakat agar alam sekitar dijaga dan dipelihara sebagai khazanah asli. Justeru, kertas kerja memberi memfokuskan tentang pendekatan dasar dan undang-undang dalam pengurusan alam sekitar bandar di Ipoh, Perak memandangkan kajian mengenai bandar ketiga terbesar di Malaysia adalah masih terhad.

### **Amalan Dasar Dalam Pengurusan Alam Sekitar Bandar di Bandaraya Ipoh**

Dasar atau polisi alam sekitar bandar di Bandaraya Ipoh akan melibatkan dasar awam yang digunakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) atau pihak berkuasa tempatannya dalam memelihara dan menjaga alam sekitar bandar di Bandaraya Ipoh. Dasar alam sekitar Bandaraya Ipoh bervisikan menjadikan Ipoh sebagai bandaraya sejahtera, dinamik dan maju dengan bermisikan membina bandaraya yang kondusif bagi pembangunan ekonomi, sosio budaya dan pembangunan modal insan. Dasar ini bermatlamat melaksanakan pembangunan menjadi Bandaraya Sejahtera yang kosmopolitan, hijau, dinamik dan cekap dengan falsafah serta strategi pembangunan seimbang sehingga tahun 2020. Dasar ini disokong oleh dasar-dasar sektoral termasuk pemeliharaan alam sekitar. Polisi dan undang-undang alam sekitar dilaksanakan ke atas lima zon pembangunan di bawah MBI iaitu Zon 1; Zon Pembangunan Pusat (Pusat Bandaraya Ipoh), Zon 2 ; Zon Pembangunan Utara (Chemor Selatan), Zon tiga; zon pembangunan Barat (Meru, Silibin, Lahan, Menglembu dan Pengkalan), zon 4; Zon Pembangunan Timur (Jalan raya Simpang Pulai, Tambun, Bandar Sunway dan Sungai Siput Utara) dan zon 5; pembangunan selatan (Simpang Pulai (Bandar Pulai) dan Station 18) (MBI, 1998). Oleh demikian, MBI sebagai PBT berperanan menjadi agensi utama mengurus perbandaran melalui dasar alam sekitar bandar yang menjadi asas dalam satu sistem tadbir urus perbandaran yang berkesan hendaklah diadakan untuk mengurus pertumbuhan dan pembangunan bandar di peringkat pentadbiran khususnya di peringkat kerajaan tempatan (Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia, 2002). Ianya bagi memastikan persekitarannya yang ada dalam bandar dipelihara dan terus menjaganya ke arah menjadi bandar mampan di Malaysia.

Dasar ini juga seiring dengan amalan Dasar Perbandaran Negara dan Dasar Alam Sekitar Malaysia dalam memelihara alam sekitar bandar. Pembangunan mampan dan mesra alam dijadikan asas kepada pemuliharaan alam sekitar dan meningkatkan kualiti pengurusan alam sekitar bandar selaras juga dengan teras Dasar Perbandaran Negara melalui 6 teras iaitu Teras 1: Pembangunan Perbandaran Yang Efisien Dan Mampan; Teras 2: Pembangunan Ekonomi Bandar Yang Kukuh, Dinamik dan Berdaya Saing; Teras 3: Sistem Pengangkutan Bandar Yang Bersepadu dan Efisien; Teras 4: Penyediaan Perkhidmatan Bandar, Infrastruktur dan Utiliti Yang Berkualiti; Teras 5: Pewujudan Persekuturan Kehidupan Bandar Yang Sejahtera dan Beridentiti dan Teras 6: Tadbir Urus Bandar Yang Efektif (MBI, 1998). Dalam mencapai matlamat yang tinggi terhadap pengurusan alam sekitar bandar semua pihak bertanggungjawab secara langsung dan tidak langsung perlulah mengamalkan dan melaksanakan apa yang tertulis dalam dasar digubal dan bekerjasama menunaikannya bukan sekadar dalam perancangan sahaja dan kerangka kerja di pejabat sahaja namun pelaksanaan dan pemantauan perjalanan kerja dilakukan agar mengikut perancangan (Jadual 1 dan Rajah 1).

**Jadual 1.** Dasar-dasar pembandaran dan pembangunan, langkah pemeliharaan dan pihak bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar berkaitan alam sekitar


<b>Dasar-dasar Pembangunan berkaitan Alam Sekitar</b>	<b>Langkah Pemeliharaan</b>	<b>Pihak Bertanggungjawab</b>
1.Pembangunan mampan dan mesra alam dijadikan asas kepada pemuliharaan alam sekitar dan meningkatkan	i. Memastikan pembangunan bandar memberi penekanan kepada pengurangan pencemaran udara, bunyi dan air	Jabatan Alam Sekitar Jabatan Perancang Bandar dan Desa Kementerian Sumber Asli dan

<p>kualiti hidup bandar.</p>	<p>serta mesra kepada sungai.</p> <p>ii. Menguatkuasa perundangan, garis panduan dan piawaian yang berkaitan pemuliharaan alam sekitar.</p> <p>iii. Menggalakkan pembangunan yang mengurangkan impak kepulauan haba perbandaran.</p> <p>iv. Mengkaji semula garis panduan dan piawaian yang berkaitan alam sekitar.</p>	<p>Alam Sekitar Perancang Bandar Negara Pihak Berkuasa Tempatan</p> <p>Jabatan Alam Sekitar Jabatan Perancang Bandar dan Desa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Perancang Bandar Negara Pihak Berkuasa Tempatan Jabatan Pengairan dan saliran</p> <p>Jabatan Alam Sekitar Jabatan Perancang Bandar dan Desa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Perancang Bandar Negara Pihak Berkuasa Tempatan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia CIDB Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia REHDA</p> <p>Jabatan Alam Sekitar Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar</p>
<p>2. Persekitaran bandar yang selamat perlu diwujudkan.</p>	<p>Menggunakan prinsip-prinsip perancangan bandar selamat</p> <p>Melaksanakan program Bandar Selamat secara menyeluruh.</p> <p>Meningkatkan kesedaran dan penglibatan awam di dalam keselamatan bandar.</p> <p>Memastikan perancangan dan pembangunan bandar mengambil kira aspek mitigasi dari kesan geobencana ataupun dari risiko industri mengikut prinsip ‘Hyogo Framework of Actions’.</p>	<p>Jabatan Alam Sekitar Jabatan Perancang Bandar dan Desa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Perancang Bandar Negara Pihak Berkuasa Tempatan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia CIDB Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia REHDA</p>
<p>Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan Kawasan Pertanian Utama perlu dipulihara</p>	<p>Melindungi dan memelihara kawasan-kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan pertanian utama.</p>	<p>Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan</p>

	Menjadikan kawasan hijau sebagai zon penampan untuk menghadkan pembangunan bandar.	Bandar (KWP) Jabatan Alam Sekitar Jabatan Perancang Bandar dan Desa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Sistem pengangkutan awam yang bersepadu, efisien dan mesra pengguna dibangunkan	Memastikan Sistem pengangkutan awam yang bersepadu, efisien dan mesra pengguna dibangunkan	Jabatan Alam Sekitar Jabatan Perancang Bandar dan Desa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Perancang Bandar Negara Pihak Berkuasa Tempatan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia CIDB Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia REHDA
Penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti dipertingkatkan serta memastikan pengurusan dan penyelenggaraan yang berterusan.	Melengkapkan penyediaan sistem pembetungan dan rawatan berpusat serta sistem saliran bagi kawasan-kawasan bandar.  Memastikan perancangan tapak bagi kemudahan infrastruktur dan utiliti ditetapkan di dalam Rancangan Tempatan mengikut keperluan pembangunan.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWP) Jabatan Alam Sekitar Jabatan Perancang Bandar dan Desa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Sistem pengurusan sisa pepejal dan toksik yang terancang, berkesan dan mampan perlu dilaksanakan.	Mempertingkatkan kecekapan pengurusan air dengan penekanan kepada permintaan, penggunaan sumber alternatif dan bukan konvensional (penuaian air hujan, kitar semula air) serta mengurangkan pembaziran (air tidak terakaun)	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Jabatan Pengiran dan saliran Perancang Bandar Negara Pihak Berkuasa Tempatan
Kualiti perkhidmatan bandar dipertingkatkan untuk mewujudkan persekitaran kehidupan yang selesa dan sejahtera.	Menggunakan teknik-teknik amalan dalam Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) untuk mengurangkan ancaman banjir.  Mempertingkatkan kecekapan pengurusan air dengan penekanan kepada permintaan, penggunaan sumber alternatif dan bukan konvensional (penuaian air hujan, kitar semula air) serta	Jabatan Pengiran dan saliran Perancang Bandar Negara Pihak Berkuasa Tempatan  Jabatan bekalan Air/Suruhan jaya Perkhidmatan Air Negara Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Perancang Bandar Negara Pihak Berkuasa Tempatan

	<p>mengurangkan pembaziran (air tidak terakaun).</p> <p>Pengurusan dan penyelenggaraan perkhidmatan bandar dilaksanakan dengan kaedah yang efisien, kos efektif dan mampu bayar.</p> <p>Menyediakan indeks kualiti hidup bandar bagi menilai tahap kesejahteraan penduduk.</p>	<p>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) PBN Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</p>
	<p>Menggalakkan penglibatan masyarakat, badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta dalam pengurusan dan penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti.</p>	<p>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</p>
	<p>Mengadakan program kesedaran awam dan pendidikan kepada semua golongan masyarakat untuk mempertingkat dan menggalakkan budaya penyelenggaraan serta penjagaan harta awam.</p>	<p>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) PBN Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</p>

Sumber : Dasar Perbandaran Negara, 2006



**Rajah 1.** Hubungan antara Jabatan Alam Sekitar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan alam sekitar

Sumber: Ubahsuai dari Jabatan Alam Sekitar, t.t

### Amalan Perundangan dalam Pengurusan Alam Sekitar Bandar di Bandaraya Ipoh

Perundangan berkaitan alam sekitar di Malaysia adalah berdasarkan matlamat utama pengurusan alam sekitar bagi memelihara sumber pada masa kini dan depan, menambah stok sumber meminimumkan kesan alam sekitar dan meningkatkan kualiti kehidupan. Pengurusan alam sekitar boleh dibahagi kepada dua iaitu melalui cara perundangan dan bukan perundangan. Cara perundangan adalah tertakluk dalam perlembagaan, mengubal undang-undang berkaitan alam sekitar, menguatkuasakan undang-undang mengawal pencemaran dan sebagainya. Manakala, cara bukan perundangan seperti penyediaan garis panduan dan tatacara, pendidikan alam sekitar, penilaian impak alam sekeliling dan sebagainya. Dalam merancang dan melaksanakan pengurusan alam sekitar melibatkan usaha perancangan dan pengawalan alam sekitar melibatkan pelbagai pihak seperti kejuruteraan, undang-undang, politik, pengetahuan sains dan etika.

Dalam usaha ini, walaupun tidak terdapat perkataan pencemaran atau alam sekitar dalam Perlembagaan Malaysia namun dalam perlembagaan disenaraikan perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengan alam sekitar seperti sumber semulajadi, pembangunan dan pengawalan. Ini menjadi asas kukuh untuk menggubal undang-undang dan peraturan berkaitan dengan persekitaran Malaysia. Perlembagaan Persekutuan yang ada menyentuh aspek-aspek yang berkaitan dengan alam sekitar dan telah memperuntukan perkara-perkara atau bidang kuasa yang jelas bagi setiap peringkat pentadbiran misalnya dalam Bahagian VI – memperuntukan kuasa kerajaan persekutuan dan negeri. Undang-

undang yang digubal sama ada perundangan kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri berdasarkan kepada perlombagaan iaitu perlombagaan persekutuan dan ada satu peruntukan dalam Perkara 74 iaitu peruntukan tiga senarai di mana kerajaan persekutuan boleh membuat undang-undang atau kerajaan setiap negeri boleh membuat undang-undang atau perkara di mana kerajaan persekutuan dan negeri boleh membuat undang-undang (Muhammad Rizal & Syahirah 2001).

Dalam melaksana pengurusan alam sekitar yang mengunapakai undang-undang termasuk dalam pengurusan alam sekitar bandar agensi yang bertanggungjawab adalah agensi kerajaan yang mempunyai kuasa perundangan. Sehubungan itu, berdasarkan kepada undang-undang ada dua kumpulan utama agensi kerajaan melaksanakan dan menguruskan alam sekitar iaitu :

- a) agensi yang diberi tanggungjawab mentadbir aspek tertentu alam sekitar tanpa ada kuasa undang-undang yang diberi; dan
- b) agensi yang diberi kuasa untuk mentadbir dan mempunyai kuasa untuk bertindak berdasarkan undang-undang seperti pegawai penguatkuasa yang mengeluarkan saman dan kompaun.

Selain itu, kuasa perundangan yang ada di bawah MBI selaku PBT melibatkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) telah menggariskan peranan PBT seperti MBI mempunyai bidang kuasa meliputi:

- (a) penyediaan kemudahan infrastruktur yang dapat menjamin keselesaan kehidupan masyarakat setempat;
- (b) pewujudan pusat-pusat perdagangan seperti pasar, gerai-gerai dan sebagainya;
- (c) pengawalan ke atas kesihatan awam, kacau ganggu, keselamatan dan sebagainya;
- (d) pelaksanaan tanggungjawab sosial yang meliputi pembangunan tempat-tempat awam, kolam renang dan sebagainya.

Amalan perundangan dalam pengurusan alam sekitar bandar di Bandaraya Ipoh melibatkan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) mempunyai kuasa undang-undang dalam mentadbir aspek alam sekitar. Agensi kerajaan lain seperti JAS, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD). Mereka ini juga mempunyai bidang kuasa undang-undang berkaitan alam sekitar yang menyentuh aspek air, udara, sampah sarap dan bunyi bising (Jadual 2). Di Bandaraya Ipoh khususnya MBI melalui Jabatan Perancang Bandar dan Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Jabatan Perundangan dan lain-lain di MBI bertanggungjawab dalam aspek perundangan ini. Jabatan perundangan MBI bertanggungjawab mengawal selia hal ini.

**Jadual 2.** Bidang kuasa undang-undang dalam mentadbir beberapa aspek alam sekitar oleh agensi kerajaan

<b>Aspek Alam Sekitar Bandar</b>	<b>Agensi Kerajaan yang mempunyai bidang kuasa undang-undang berkaitan alam sekitar bandar</b>
Air	Pihak berkuasa tempatan; Jabatan Alam Sekitar; Jabatan Pengairan dan Saliran; Jabatan Lombong/Galian; Pejabat Daerah dan Tanah; Jabatan Lombong dan Galian; Jabatan Kesihatan; Jabatan Perikanan
Udara	Pihak berkuasa tempatan; Jabatan Alam Sekitar; Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); Pejabat Daerah dan Tanah; Jabatan Perhutanan; Jabatan Lombong dan Galian
Sampah Sarap	Pihak berkuasa tempatan; Jabatan Alam Sekitar; Pejabat Daerah dan Tanah; Jabatan Perhutanan; Lembaga Lebuh Raya Malaysia.
Bunyi Bising	Pihak berkuasa tempatan; Jabatan Alam Sekitar; Pejabat Daerah dan Tanah; Jabatan Kilang dan Jentera

Sumber: Ubahsuai dari Jamaluddin, 1996

Penggunaan undang-undang amat penting dalam penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar bandar bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat bandar sejagat termasuk kesejahteraan hidup di bandar. Kesejahteraan hidup di bandar semakin tergugat kesan perubahan alam sekitar bandar disebabkan proses pembandaran yang pesat menimbulkan kesan pencemaran ke atas persekitaran fizikal dan manusia. Oleh itu, perundangan alam sekitar merupakan satu alat undang-undang yang digunakan bagi pengawalan alam sekitar daripada dicemari, mengalami kemerosotan ataupun dicemari semula (Jamaluddin, 1993). Undang-undang diguna pakai bagi mengawal manusia yang menjalankan aktiviti secara langsung atau tidak langsung untuk mengawal punca-punca pencemaran agar dapat mengurangkan kemerosotan kualiti alam sekitar (Muhammad Rizal, 2010).

Sehubungan ini, penerapan undang-undang dalam alam sekitar bandar amat penting dan perlu dipastikan berjalan lancar secara langsung atau tidak langsung bagi mengawal aktiviti-aktiviti yang boleh menimbulkan masalah pencemaran dan dapat mengurangkan kemerosotan kualiti alam sekitar bandar. Amalan perundangan dalam perbincangan ini memberi fokus kepada undang-undang awam yang menjadi amalan oleh pihak pengurusan alam sekitar di Malaysia. Umumnya, undang-undang boleh diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu Undang-undang Awam dan Undang-Undang Persendirian. Undang-Undang Awam adalah undang-undang yang mengawalselia dan mentadbir hubungan di antara sesebuah negara dengan seseorang individu atau sekumpulan individu (Muhammad Rizal, 2002). Undang-undang awam dan undang-undang persendirian di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam konteks perlindungan pencemaran alam sekitar (Muhammad Rizal, 2002). Undang-undang awam yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar telah digubal dan digunakan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan. Dengan ini, segala bidang kuasa perundangan dalam pengurusan alam sekitar bandar di Malaysia boleh juga dirujuk melalui senarai persekutuan, negeri dan bersama dalam Perlembangan Persekutuan.

Untuk itu, PBT seperti MBI menggunakan undang-undang awam mengenai pencemaran alam sekitar dalam memastikan penekanan diberikan terhadap perlindungan alam sekitar khususnya di kawasan pentadbirannya di Bandaraya Ipoh. Kesemua undang-undang yang dinyatakan adalah undang-undang yang dikelaskan sebagai undang-undang awam kerana undang-undang tersebut merupakan undang-undang yang mengawalselia dan mentadbir hubungan di antara negara Malaysia dengan seseorang individu (Muhammad Rizal, 2010). Malahan terdapat juga beberapa undang-undang yang menyentuh secara khusus tentang masalah pencemaran alam sekitar seperti pencemaran air, udara, bunyi bising, sampah-sarap dan bahan toksik yang telah digubal selepas tahun-tahun 1970-an seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling, Akta Kerajaan Tempatan dan sebagainya (Jamaluddin, 1998). Namun demikian, dari segi pelaksanaan terdapat sedikit masalah di mana pelaksanaan undang-undang awam di peringkat persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan terdapat banyak kepincangan di mana wujudnya bertindan lapis di dalam pelaksanaannya, penentuan kuasa yang tidak jelas dan tidak terdapat satu bentuk akta atau peraturan yang khusus dan selari di semua peringkat pentadbiran. Justeru, setiap kesalahan yang dibuat berkaitan dengan pencemaran alam sekitar di bawah undang-undang awam akan dikenakan denda atau penjara berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan sama ada besar atau kecil (Jamaluddin, 1996).

Amalan perundangan dalam pengurusan alam sekitar bandar di Bandaraya Ipoh secara umumnya melibatkan peruntukan yang luas di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, di mana JAS bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam memastikan amalan perundangan ini yang melibatkan pengawalan dan peningkatan mutu alam sekitar bandar. Namun begitu, MBI sebagai pihak berkuasa tempatan turut mempunyai kuasa yang luas dari aspek undang-undang berhubung dengan masalah alam sekitar bandar berlandaskan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan antaranya terdapat peruntukan di bawah MBI yang menjadi amalan iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538) dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) (Suzanna Mohamed Isa. 2006). Bidang kuasa yang ada oleh MBI ini menjadi satu perkara yang baik dan menjadi satu nilai tambah kuasa yang ada dalam memastikan alam sekitar bandar terus dipelihara dan dipulihara dari ancaman pencemaran. Kelebihan

PBT ini menjadi suatu perkara yang baik dalam melengkapkan tindakan yang dilakukan oleh JAS terutamanya pada bahagian alam sekitar yang terdapat di luar bidang kuasa JAS (Jamaluddin, 1996). Namun demikian, masalah pencemaran alam sekitar dianggap mampu dibayar kerana terdapat pesalah yang melanggar undang-undang awam berkaitan pencemaran alam sekitar masih mampu membayar denda yang kecil dikenakan. Oleh itu, dalam memastikan aspek perundangan diketahui dan diamalkan denda dan hukuman penjara yang dikenakan perlulah diteliti dan dinaikkan agar kesedaran menjaga alam sekitar bandar semakin mendalam. Justeru, penerapan undang-undang di dalam pengurusan alam sekitar bandar merupakan langkah yang terbaik untuk menjaga dan memelihara alam sekitar dalam jangka masa yang panjang. Pendedahan pemahaman mengenai undang-undang berkaitan alam sekitar bandar kepada masyarakat amat penting agar mereka memahami betapa pentingnya untuk menjaga alam sekitar. Masyarakat perlu menyedari tentang kepentingan undang-undang di dalam menjaga pencemaran alam sekitar. Hebahnya tentang undang-undang berkaitan alam sekitar ada dilakukan oleh pihak bertanggungjawab melalui agensi yang terlibat dan media massa secara meluas tetapi kurangnya kesedaran untuk mengetahui tentang undang-undang berkaitan alam sekitar dan kurangnya mengamal amalan mesra alam yang perlu dipraktikkan dalam memelihara alam sekitar sebagai khazanah bernilai. Oleh itu, amalan dasar dan undang-undang dalam pengurusan alam sekitar bandar adalah langkah yang terbaik, relawan dan perlu diteruskan kepada penduduk di Malaysia. Kesedaran memelihara alam sekitar di kalangan masyarakat Malaysia perlu ditingkatkan dan setiap individu perlu mengubah sikap dan persepsi bukan hanya membuat aduan kepada pihak-pihak tertentu melalui undang-undang yang ada tentang pencemaran alam sekitar. Seringkali PBT dipersalahkan jika berlakunya masalah alam sekitar tetapi sebenarnya yang berlaku ialah kurangnya pemahaman dan kesedaran tentang penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar serta undang-undang terlibat berkaitan alam sekitar di kalangan masyarakat dan pihak yang menjalankan aktiviti dalam persekitaran bandar itu sendiri. Dalam pengurusan alam sekitar bandar kesedaran langkah-langkah amalan mesra alam dalam kehidupan seharian atau di tempat kerja perlu terus ditingkatkan. Dengan ini, kesepaduan amalan dasar dan undang-undang dalam pengurusan alam sekitar bandar dapat mencapai matlamat menjadikan Bandaraya Ipoh sebagai bandaraya sejahtera, dinamik dan maju.

## **Kesimpulan**

Pengurusan alam sekitar melalui sistem perundangan merupakan cara untuk menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar yang semakin meruncing pada masa kini. Ini merupakan salah satu cara yang terbaik untuk mengatasi masalah pencemaran yang tersebut. Setiap negara mempunyai undang-undang yang telah dikuatkuaskan bagi menjamin keselamatan, kesejahteraan dan keamanan masyarakat sejagat. Pemakaian undang-undang kecuaian dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar pada masa kini secara tidak langsung dapat mengurangkan isu pencemaran alam sekitar. Pencemaran alam sekitar yang berlaku secara berterusan akan menjelaskan kualiti hidup dan mengganggu kehidupan seharian masyarakat. Oleh itu, kemusnahan alam sekitar yang berpuncak daripada masalah pencemaran yang teruk menyebabkan generasi yang akan datang tidak dapat menikmatinya.

Keberkesanan dan kerelevan pemakaian undang-undang di dalam pendidikan alam sekitar dapat menangani pencemaran alam sekitar yang digunakan dalam pengurusan alam sekitar adalah sangat sesuai dan bertepatan pada masa kini. Di Malaysia, terdapat undang-undang yang telah ditetapkan bagi menjamin keselamatan, kesejahteraan dan keamanan masyarakat serta negara. Undang-undang yang diwujudkan adalah untuk mengawalselia dan mentadbir hubungan di antara negara dengan individu ataupun di antara individu dengan individu yang lain. Oleh itu, terdapat dua undang-undang yang digunakan di Malaysia iaitu undang-undang awam dan undang-undang persendirian perlu diterapkan di dalam pendidikan pada masa kini sejarah dengan wawasan 2020. Penerapan undang-undang di dalam pendidikan alam sekitar wajar dilaksanakan secara terus menerus dengan pelbagai aktiviti atau program-program keilmuan untuk generasi kini dan akan datang. Ini dapat membentuk generasi yang cemerlang, gemilang dan berwawasan dalam membentuk pendidikan undang-undang alam sekitar untuk terus menjaga, mengawal dan memelihara alam sekitar. Justeru, kepekaan masyarakat dalam undang-undang alam sekitar dapat mewujudkan negara yang bersih, sihat dan selamat.

## **RUJUKAN**

- Ball, S. & Bell, S. 1991. *Environmental law*. London: Blackstone Press Limited.
- Dasar Perbandaran Negara, 2006. Jabatan Perancang Bandar dan Desa., Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Jabatan Alam Sekitar. 2003. *Laporan kualiti alam sekeliling 2002*. Putrajaya : Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.
- Jabatan Alam Sekitar. t.t. *Profil*. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia.
- Jamaluddin Md. Jahi. 1993. Perundangan alam sekitar dan pentadbirannya di Malaysia. Dlm. Sham Sani, Abdul Samad Hadi & Jamaluddin Md. Jahi (pnyt.). *Alam Sekitar dan pengurusannya di Malaysia*, hlm. 379-404. Bangi: UNESCO/UKM.
- Jamaluddin Md. Jahi. 1996. *Impak pembangunan terhadap alam sekitar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaluddin Md. Jahi. 1998. Kesejahteraan manusia dan undang-undang alam sekitar di Malaysia. Dlm. Katiman Rostam, Abd Rahim Md. Nor, Junaidi Abu Bakar, Kadaruiddin Aiyub & Mohd Ekhwan Toriman (pnyt.). *Pembangunan, perbandaran dan alam sekitar*, hlm. 279-293. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan UKM.
- Jamaluddin Md. Jahi. 2001. *Pengurusan alam sekitar di Malaysia: dari Stockholm ke Rio de Janeiro dan seterusnya*. (Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia. 2002. *Dasar Alam Sekitar Negara*. Malaysia: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
- Muhammad Rizal Razman. 2001. The law of negligence and environmental protection: Malaysian legal perspectives. *Proceedings SEAGA 6, International Conference*, hlm. 1-6.
- Muhammad Rizal Razman & Syahirah Abdul Shukor. 2001. *Malaysian legal system: A basic guide*. Malaysia: Mc-Graw Hill.
- Muhammad Rizal Razman. 2002. Pemakaian undang-undang kecuaian dalam menangani pencemaran alam sekitar di Malaysia. Dlm. Jamaluddin Md. Jahi, Mohd Jailani Mohd Nor, Kadir Ariffin & Muhammad Rizal Razman (pnyt.). *Isu-isu persekitaran di Malaysia*, hlm. 61-76. Bangi: Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Rizal Razman dan Jamaluddin Md. Jahi. 2010. *Alam sekitar dan Kesihatan dari Perspektif Undang-Undang Di Malaysia: Tumpuan Kepada Undang-Undang Tort khususnya kepada Undang-Undang Kecuaian* Dlm. Sakibah Harith, Hasmah Abdullah, Rapeah Suppian & Haliza Abdul Rahman (pnyt.). *Proceeding 2nd National Conference on Environment and Health 2010*, hlm. 216-225. Kota Bharu: School of Health Science and PERSALA, Universiti Sains Malaysia Health Campus.
- MBI. 1998. *Rancangan Struktur Ipoh* (Pengubahans) 1998–2020. Ipoh: Majlis Bandaraya Ipoh
- Suzanna Mohamed Isa. 2006. *Environmental law In Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.